

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah peluang-peluang pekerjaan di sektor pembinaan untuk rakyat negara kita.

PR-1353-T01194

156

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Mengikut statistik Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah guna tenaga dalam sektor pembinaan bagi suku kedua 2017 adalah sebanyak 1.3 juta orang atau 8.7% daripada keseluruhan guna tenaga negara.
2. Mengikut statistik Jabatan Tenaga Kerja (JTK), sehingga September 2017 pendaftaran kekosongan jawatan melalui portal *JobsMalaysia* di sektor pembinaan berjumlah 29,973 kekosongan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23,978 (80%) kekosongan pekerjaan yang ditawarkan merupakan jawatan-jawatan kategori pekerjaan asas, berbanding sebanyak 5,995 kekosongan jawatan kategori separuh mahir dan mahir. Manakala, bilangan pencari kerja tempatan yang mendaftar berjumlah 5,394 pencari kerja sahaja di semua sektor bagi kategori pekerjaan asas.
3. Ini dapat dilihat bahawa bilangan pencari kerja untuk kategori pekerjaan asas yang berminat untuk bekerja di semua sektor termasuk di sektor pembinaan adalah rendah. Hal ini adalah kerana perkembangan tahap pendidikan negara yang lebih baik serta persekitaran pekerjaan yang dianggap kurang kondusif. Pencari kerja warganegara juga lebih berpeluang memilih pekerjaan dan bidang kerja yang setaraf dengan kelulusan akademik atau kemahiran yang bersesuaian.

4. Pelbagai langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian melalui program dan aktiviti penempatan pekerjaan melibatkan penganjuran karnival kerjaya, temuduga terbuka, kembara kerjaya dan kerjasama dengan agensi bagi membantu pencari kerja di dalam semua sektor termasuk sektor pembinaan untuk mendapatkan pekerjaan kepada warganegara. Sehingga 30 September 2017, statistik JTK menunjukkan sebanyak 4,486 orang pencari kerja telah berjaya ditempatkan di dalam sektor pembinaan. Jabatan Tenaga Kerja juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Pekerja Tempatan (JPPT) bertujuan mempertingkatkan usaha-usaha menempatkan pekerja tempatan terlebih dahulu kepada majikan yang memohon pekerja asing termasuk dalam kategori pekerjaan asas.

5. Berdasarkan dokumen Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11), kerajaan mengunjurkan sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan di mana sebanyak 58.4% adalah pekerjaan separuh mahir dan sebanyak 35% pekerjaan mahir. Semua peluang pekerjaan baru ini diberi keutamaan kepada warganegara selaras dengan hasrat kerajaan mencapai tenaga kerja berkemahiran dengan berpendapatan tinggi pada 2020.